

Corak Kajian Kebolehpasaran dan Pengangguran Siswazah Di Malaysia: Satu Sorotan Antara 2015-2020

FADILAH MAT NOR

Fakulti Pengurusan & Muamalah

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

fadilahmn@kuis.edu.my

NORFAIZAH OTHMAN

Fakulti Pengurusan & Muamalah

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

norfaizah@kuis.edu.my

AZA SHAHNAZ AZMAN

Fakulti Pengurusan & Muamalah

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

azashahnaz@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kebolehpasaran dan pengangguran dikalangan siswazah merupakan isu global yang belum berkesudahan. Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dan fasa pandemik yang melanda negara akhir tahun 2019 pula dilihat sebagai satu cabaran baru bagi isu tersebut. Kajian ini cuba mengenangkan corak kajian kebolehpasaran dan pengangguran siswazah di Malaysia dalam tempoh tersebut. Kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisa jadual matriks *Systematic Literature Review (SLR)* melibatkan kajian-kajian lepas antara tahun 2015-2020. Hasil kajian dijangka akan memberikan corak kajian yang paling ketara mengenai kebolehpasaran iaitu kajian mengenai kemahiran, ciri dan nilai yang menjadi faktor utama kebolehpasaran siswazah dalam pasaran buruh. Hasil kajian juga menjangkakan terdapat kaitan kajian antara perubahan keperluan kemahiran, ciri dan nilai terhadap IR 4.0 dan fasa pandemik. Selain itu, akan didapati juga masih berlaku peningkatan jumlah kajian berkaitan kebolehpasaran yang mungkin disebabkan oleh isu pengangguran dikalangan yang semakin kritikal sehingga kini terutama selepas negara melalui fasa pandemik.

Kata Kunci: Kebolehpasaran, Pengangguran Siswazah, Revolusi Industri 4.0, SLR

PENGENALAN


Kebolehpasaran para graduan ke dalam pasaran buruh bukan isu baharu, malah dalam ekonomi isu kebolehpasaran dan pengangguran adalah isu rantaian yang mempunyai signifikansi yang erat. Isu kebolehpasaran siswazah dalam pasaran buruh telah menjadi keutamaan dan focus Kementerian Pendidikan Malaysia sejak lama terutamanya dengan terhasilnya *Graduate Employability Blueprint 2012-2017 (GEB)*. Walaupun telah mempunyai halatuju sebagai garis panduan, namun perubahan situasi ekonomi negara yang drastik dan mencabar menuntut penyelarasan yang lebih solid. Contohnya kewujudan revolusi industry yang dicetuskan pada tahun awal 2017 menyebabkan banyak kemahiran-kemahiran baharu yang perlu disesuaikan dengan program dna juga kesediaan para graduan. Justeru, agak relevan untuk melihat dalam

tempah tersebut apakah corak atau tren kajian yang cenderung dilakukan oleh ahli akademik atau pembuat polisi berkenaan isu yang saling berkait ini.

Wabak COVID-19 yang melanda Malaysia dan dunia telah memberi impak yang besar kepada sistem politik, ekonomi, sosial, kesihatan, dan pendidikan negara. Ekoran daripada wabak yang berlaku, kerajaan Malaysia telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepada rakyat bermula 18 Mac 2020 sekaligus memberi impak terhadap sektor pekerjaan. Hal ini kerana, banyak sektor pekerjaan yang terpaksa menghentikan operasi serta merta dalam usaha mengekang penularan wabak COVID-19 daripada terus menular dalam masyarakat. Bahkan, penutupan perniagaan semasa PKP telah menyebabkan banyak syarikat tidak dapat menampung kos perbelanjaan termasuklah gaji pekerja hingga menyebabkan syarikat terpaksa membuang pekerja. Natijahnya berlaku kenaikan kadar pengangguran pada suku tahun pertama iaitu 3.9 peratus berbanding 3.3 peratus pada tahun 2019 (laporan Statistik Tenaga Buruh, 2020).

Situasi ini dapat digambarkan dengan melihat kekerapan carian data di google search dengan menggunakan beberapa kata kunci yang telah kertas kerja ini gariskan.

Rajah 1: Kekerapan Carian Google Search mengenai Kata Kunci “Kebolehpasaran”, Pengangguran Siswazah” & “Revolusi Industri 4.0” Mengikut Tahun 2015 hingga 2021



Berdasarkan tajuk, beberapa kata kunci telah dikenal pasti bagi memberi focus kepada kajian seterusnya membuat carian di pengkalan data. Seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 1, tiga kata kunci utama yang digunakan dalam kajian ini ialah Kebolehpasaran (employability), “Pengangguran Siswazah (graduates unemployment) dan Revolusi Industri 4.0 (Industrial Revolution 4.) Menurut Rajah 1, ketiga-tiga kata kunci mempunyai trend yang tersendiri. Namun dengan jelas IR 4.0 bermula menunjukkan peningkataan carian di google pada tahun 2017 seiring tahun ia mula diperkenalkan dan dipopularkan 2016. Didapati juga kekerapan kesemua kata kunci ini dilihat agak seiring dari sudut peningkatan dan penurunan (*fluctuation trends*). Dimana pada tahun 2019 merupakan permulaan kemelesetan ekonomi disebabkan oleh pandemic. Carian juga dilihat memuncak pada September 2020 dimana Ekonomi Malaysia Ketika itu mengamalkan PKP dalam tempoh yang agak lama.

METODOLOGI

Kertas kerja ini akan menggunakan prinsip matrik sorotan sistematik literatur bagi mengenal pasti dan menganalisa kata kunci seterusnya fenomena tren bagi kajian ini. Teknik ini adlaah seperti yang dicadangkan oleholeh Chochrane Collaboration dalam kajian klinikal dan sains kesihatan (Armstrong & Waters, 2007; Qin et al., 2015), namun telah diperkembangkan dalam kajian sains sosial dan kemanusiaan (Norfarhana, Hishomudin, Norzulaili, Adawiyah, & Nik Farhan, 2016; Zamri, Zulazhan, & Kamarul Shukri, 2016).

Kertas kerja telah menggunakan pengkalan data *Google* bagi aktiviti dan proses pencarian artikel. Sebanyak empat kata kunci yang dikenal pasti dan digunakan untuk membuat pencarian di dalam pengkalan data. Kata kunci tersebut adalah kebolehpasaran (*employability*), pengangguran siswazah (*graduate unemployment*), Revolusi Industri 4.0 (*industrial revolution 4.0*), dan Malaysia. Kaedah ini dipercayai mampu membantu kajian dalam mendapatkan sejumlah kajian lepas yang menepati objektif kajian. Tempoh kajian yang ditetapkan adalah tertumpu dari tahun 2015 hingga 2020. Daripada sejumlah 38 kajian berkaitan diperolehi, hanya 18 dokumen sahaja diterima untuk analisis kerana berkaitan dengan corak kajian yang mendominasi perbincangan dalam tempoh tersebut, iaitu: (i) kemahiran, ciri serta nilai berkaitan dengan faktor kebolehpasaran, dan (ii) persepsi dan tahap kesedaran pelajar terhadap isu kebolehpasaran. Baki 20 dokumen membincangkan kebolehpasaran dan pengangguran dalam konteks yang luar daripada fokus kajian. Satu analisis deskriptif dijalankan dengan memfokuskan kepada objektif kajian dan dapatkan kajian untuk mengupas corak kajian yang telah dijalankan.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Kajian mendapati dua corak utama adalah tidak berubah dari kajian lepas oleh Lubna Abd Rahman at el (2017), corak utama kajian lepas berkaitan kebolehpasaran adalah di sekitar (i) kemahiran dan nilai berkaitan factor kebolehpasaran dan (ii) kemahiran dan kesediaan terhadap ekonomi digital. Namun terdapat pembaharuan dari sudut kemahiran dan nilai iaitu terdapat kajian yang telah mula menyelitkan elemen kemahiran digital seiring tuntutan revolusi industri dan gaya hidup baharu semasa pandemik. Ringkasan dapat diterangkan melalui Jadual 1 yang menunjukkan matrik kajian lepas kebolehpasaran siswazah di Malaysia daripada tahun 2015 hingga 2020

Jadual 1: Matrik Kajian Lepas Kebolehpasaran

Penulis (Tahun)	Isu	Metodologi	Dapatan
Sharifah Hana Abd Rahman, et al (2015)	(Kemahiran): Mengkaji faktor-faktor kepuasan majikan terhadap pelajar latihan industri di institut pengajian tinggi (IPT)	Kualitatif (sorotan kajian lepas)	Tahap kepuasan majikan secara umumnya bergantung kepada iaitu penguasaan ilmu, sahsiah dan pembawaan diri yang baik, kemahiran generik dan juga kemahiran insaniah.
Mahazan, A.M., et al (2015)	(Kemahiran & Nilai): Investigated predictors of employability among graduates of (USIM)	Quantitative (questionnaire)	Leadership, ethics, and religiosity completely mediate the influence of other predictors toward employment,
Sahlawati Abu Bakar & Zaidul Amin Suffian Ahmad (2015)	(Nilai): Mengemukakan nilai agama sebagai kemahiran tambahan yang penting dalam kemahiran kebolehpasaran.	Kualitatif (temubual)	Dapatan kajian menunjukkan industri sangat menitikberatkan nilai agama serta turut menjadi faktor pemilihan pekerja yang berintegriti dan profesional

Mohamad Zuber Abd. Majid & Muhammad Hussin (2015)	(Kesan): Isu kebolehpasaran graduan lepasan IPT dan impaknya terhadap kebolehkerjaan atau sebaliknya menganggur	Kualitatif (sorotan kajian lepas)	Intipati yang diolah iaitu meliputi ciri-ciri graduan berkebolehpasaran, kepentingan kebolehpasaran melalui terapan modal insan, halangan pengintegrasikan kebolehpasaran dan faktor mendorong berlakunya pengangguran dalam kalangan lepasan graduan IPT
Azmi, Hashim, & Yusoff, 2018)	(Kemahiran & Kesediaan): Study on employability skills of students in Malaysian HEIs with a view to measuring their work readiness	Qualitative (concept paper)	The result of this study led to the finding of 12 important employability skills of employment. Another finding of this study is a significant relationship between the graduates' skills and their gender. It was also found that educational institutions play an important part in the development of graduates' skill especially as the decision
Selvaratnam, 2018)	(Kemahiran & Kesediaan): Malaysian graduates' English proficiency and their employability	Qualitative (concept paper)	The results show that public and private sector universities are preparing graduates with insufficient English language skills and mental building blocks to think constructively
Teng, Ma, Pahlevansharif, Turner, et al., 2019)	(Persepsi, Kemahiran & Kesediaan): Students' perspectives on their university experience in terms of the soft employability skills	Quantitative (online survey)	The result on this study showed that soft skills are very important with regard to student preparedness for employment and Malaysian's university curriculam are preparing students with the necessary soft skills based on the Goldsmiths soft skills inventory.
Mohd Faqrullah Khamis, Getrude Cosmas (2020)	(Kemahiran & Kesediaan): Kesan penglibatan pelajar universiti tahun akhir dalam program upskilling dan kebimbangan kerjaya terhadap kesediaan bekerja dan ketahanan kendiri dalam mengatasi cabaran kebolehpekerjaan dalam tempoh pandemik.	Kualitatif (Sorotan kajian lepas)	Penglibatan dalam program upskilling dapat meningkatkan kesediaan bekerja dan ketahanan kendiri pelajar dalam berhadapan dengan cabaran pekerjaan seperti mencari dan mendapatkan pekerjaan yang lebih baik. Di samping itu, kebimbangan kerjaya dapat mengurangkan kesediaan bekerja dan daya tahan.
Quaruratul 'Aini Abdullah at el (2020)	(Kemahiran & Kesediaan): Identify the issues related to the work readiness of local graduates before they work in a IR 4.0 environment.	Qualitative (SLR)	Malaysian graduates were found to lack knowledge about working in a IR 4.0 environment. Another issue discussed by many researchers was the graduates' skill gap and skill mismatch to the IR 4.0 job demands.

Jadual 1 menunjukkan senarai kajian lepas yang Berjaya dikumpulkan bagi kata kunci kebolehpasaran daripada tahun 2015 hingga 2020. Didapati corak kajian mengenai kebolehpasaran masih banyak tertumpu kepada aspek kemahiran dan kesediaan. Hal ini termasuk aspek nilai (keagamaan) dan integriti. Meskipun tahun kajian yang dipilih adalah termasuk tahun kegawatan berikut pandemik pada 2019 dan ledakan IR 4.0 pada tahun 2017, elemen kemahiran dan kesediaan masih menjadi tumpuan para pengkaji. Kebanyakkhan kajian

lepas menggunakan kaedah kualitatif sebagai metodologi kajian. Iaitu daripada 9 kajian adalah kualitatif dan hanya 2 kajian merupakan kajian kuantitatif. Bentuk kemahiran juga dilihat semakin berubah sesuai dengan revolusi ekonomi yang berlaku dan tuntutan kepada gaya hidup baharu semasa pandemik iaitu kemahiran digital dalam menjadi faktor kebolehpasaran dalam pasaran buruh.

Jadual 2: Matrik Kajian Lepas Pengangguran Siswazah

Penulis (Tahun)	Isu	Metodologi	Dapatan
Che Mohd Zulkifli Che Omar & Shanmuganathan Rajoo (2016)	(Cara atasi): Discusses the issues of unemployment among graduates and how to overcome them	Qualitative (concept paper)	Mentioned that there are three primary strategies to construct an integrated human workforce which are; 1. restructuring the educational system in order to increase the students' achievements 2. increasing the graduates' skills in order to increase the marketability of the graduates, and 3. restructuring the labour market system in order to develop Malaysia as a high-income nation
Abd. Kadir Bin Batong, Rostika Petrus Boroh dan Beatrice Lim (2017)	(Faktor): Mengenalpasti faktor yang mempengaruhi tempoh masa tidak bekerja di kalangan belia.	Kuantitatif (soal selidik)	Fokus kepada faktor demografi dan geografi belia dan siswazah. Semakin berpendidikan semakin tinggi kecenderungan bekerja, namun ketidaaan peluang pekerjaan dan galakan migrasi.
Tengku Amer Ikhmal et al (2019)	(Faktor): Examine the factors on why fresh graduates facing a high rate of unemployment in Malaysia.	Qualitative (e in-depth interview)	The findings of this study shows that factors such as lack of skills, demanding attitude and unstable economic does contribute to the high rate of unemployment among graduates. Apart from that, issues of the mental health regarding to graduates unemployment also arises in this paper.
Mohd Nizar Bin Zakaria (2020)	(Kesan): Pengangguran Di Malaysia : Kesan Pandemik Covid 19	Kualitatif Konsepsual	Pandemik dan kewujudan revolusi ekonomi meningkatkan pengangguran dikalangan siswazah secara statistik.
Abdul Rashid Aziz @ Dorashid (2020)	(Faktor & Kesan): Mengenal pasti impak COVID-19 terhadap tenaga kerja, model dan faktor yang mempengaruhi kbolehdapatkan pekerjaan	Kualitatif (sorotan literatur)	Penerokaan faktor yang mempengaruhi kebolehdapatkan kerja semasa COVID-19 seperti program kerjaya, insentif untuk menjana pendapatan dan inisiatif yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk membantu sektor pekerjaan serta kemahiran tenaga kerja yang sesuai dengan keperluan masakini.
Nurhadhinah Omar Ali & Dayangku Aslinah Abd. Rahim (2020)	(Faktor): Punca Pengangguran dalam Kalangan Belia Luar Bandar di Sarawak	Kuantitatif (Soal selidik)	Punca pengangguran yang telah dikenalpasti ialah peluang pekerjaan yang terhad, tahap pendidikan yang terbatas, keengganahan berhijrah ke tempat yang lebih banyak peluang pekerjaan, lemah dalam kemahiran berkomunikasi dan kurang pengalaman bekerja

Nur Hayati Abd Rahman at el (2020)	(Kemahiran & Kesediaan): The Issue of Graduate Unemployment in Malaysia: Post Covid-19	Qualitative (interview)	The majority of the graduates plan to apply for works even if the works are meant for a lower level educational background. Besides, only a few of them plan to join the gig economy by learning new skills and upgrading themselves. This trend shows that fresh graduates in Malaysia are still having a high dependency on jobs offered by the public or private sector. Their proactiveness to self-learn and enhance their skills after graduation is still lacking..
Erni Tanius at el (2020)	(Kemahiran & Kesediaan): Study aimed to investigate the correlation between the new graduate knowledge, skill, technology, and readiness to be employed in IR 4.0	Quantitative (Questionnaire)	The employment opportunity becomes condensed, and the requirement of the job changes dramatically. The result indicated that technology and soft skills contributed to the readiness to employ in IR 4.0. However, the respondents agreed that they were a deficiency in using technology in their study.
Juliana Mohd Abdul Kadir1 at el (2020)	(Kemahiran): The link between graduate attributes, employability skills, English proficiency, unrealistic salary and job mismatch on unemployment among graduates in Malaysia.	Quantitative (Questionnaire)	The findings revealed that employability skills, job mismatch and unrealistic salary were the main factors causing unemployment among graduates. To mitigate this issue, policy measures have to look at both micro level in terms of attitude of graduates as well as macro level at institutional factors such as courses provided by the universities

Sementara itu, bagi kata kunci pengangguran siswazah pula. Didapati 9 artikel adalah berkaitan dan menepati dominasi kajian. Walau bagaimanapun, terdapat kelompongan kajian bagi tahun 2015 bagi kata kunci ini. Didapati 5 artikel yang dianalisis menggunakan kaedah kualitatif dan 4 lagi kuantitatif. Dari sudut susunan masa, kajian mengenai faktor hampir melibatkan semua tahun yang dikaji iaitu dari 2016 hingga 2020 sentiasa wujud kajian mengenai faktor pengangguran siswazah di Malaysia. Cuma terdapat perubahan corak kajian bermula tahun 2019 ke atas dimana kajian mengenai pengangguran siswazah sudah mula memberi focus bukan saja kepada faktor tetapi bentuk kemahiran kesediaan siswazah dalam mendepani ekonomi digital seperti yang disarankan dalam IR .0 dan tuntutan gaya kerja baharu (new norm) semasa pandemik.

KESIMPULAN

Didapati corak kajian mengenai kebolehpasaran masih banyak tertumpu kepada aspek kemahiran dan kesediaan. Hal ini termasuk aspek nilai (keagamaan) dan integriti. Meskipun tahun kajian yang dipilih adalah termasuk tahun kegawatan berikut pandemik pada 2019 dan ledakan IR 4.0 pada tahun 2017, elemen kemahiran dan kesediaan masih menjadi tumpuan para pengkaji. Kebanyakkan kajian lepas menggunakan kaedah kualitatif sebagai metodologi kajian. Iaitu daripada 9 kajian adalah kualitatif dan hanya 2 kajian merupakan kajian kuantitatif. Bentuk kemahiran juga dilihat semakin berubah sesuai dengan revolusi ekonomi yang berlaku dan tuntutan kepada gaya hidup baharu semasa pandemik iaitu kemahiran digital dalam menjadi faktor kebolehpasaran dalam pasaran buruh.

Sementara itu, bagi kata kunci pengangguran siswazah pula. Didapati 9 artikel adalah berkaitan dan menepati dominasi kajian. Walau bagaimanapun, terdapat kelompongan kajian bagi tahun 2015 bagi kata kunci ini. Didapati 5 artikel yang dianalisis menggunakan kaedah kualitatif dan 4 lagi kuantitatif. Dari sudut susunan masa, kajian mengenai faktor hampir melibatkan semua tahun yang dikaji iaitu dari 2016 hingga 2020 sentiasa wujud kajian mengenai faktor pengangguran siswazah di Malaysia. Cuma terdapat perubahan corak kajian bermula tahun 2019 ke atas dimana kajian mengenai pengangguran siswazah sudah mula memberi focus bukan saja kepada faktor tetapi bentuk kemahiran kesediaan siswazah dalam mendepani ekonomi digital seperti yang disarankan dalam IR .0 dan tuntutan gaya kerja baharu (new norm) semasa pandemik.

RUJUKAN

- Abd Rahman, N. H., Ismail, S., Ridzuan, A. R., & Abd Samad, K. (2020). The issue of graduate unemployment in Malaysia: Post Covid-19. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(10), 834-841.
- Ali, N. O., & Rahim, D. A. A. (2020). Punca Pengangguran dalam Kalangan Belia Luar Bandar di Sarawak. *Jurnal Dunia Perniagaan*, 2(4), 44-50. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpn/article/view/11562>
- Armstrong, R., & Waters, E. (2007). Systematic reviews of health promotion and public health interventions. Melbourne. (July), 52. Retrieved from <http://homepages.ulb.ac.be/~aleveque/epitraumac/pdfppt/Cochrane%20coll%20PHAA%20Rworkshop07.pdf>
- Aziz, A. R. A. (2020). Pengangguran dalam kalangan Tenaga Kerja Semasa Wabak COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11), 1-9. <https://www.msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/view/539>
- Azmi, I. A. G., Hashim, R. C., & Yusoff, Y. M. (2018). The Employability Skills of Malaysian University Students. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 1, 1-14
- Kadir, J. M. A., Naghavi, N., & Subramaniam, G. (2020). Unemployment among graduates-Is there a mismatch?. *International Journal of Asian Social Science*, 10(10), 583-592.
- Law, C. S. (2018). Malaysian Public Universities' Graduate Employability Policies: First Degree Graduates Unemployment and Underemployment Issues. Retrieved from <https://www.researchgate.net>
- Lubna Abd Rahman, Wan Moharani Mohammad, Zulkipli Md. Isa & Hishomudin Ahmad. Corak Kajian Kebolehpasaran Siswazah di Malaysia: Sorotan antara Tahun 2010-2015. JSASS (2017). <http://jsass.kuis.edu.my/index.php/jsass/article/view/100/83>
- Mohamad Zuber Abd. Majid & Muhammad Hussi. Kebolehpasaran Dan Pengangguran Graduan Lepasan Institut Pengajian Tinggi (IPT) International Conference On Global Education III. Human Resources Development Towards Global Economy. Universitas Ekasakti, Padang, Republik Indonesia. https://www.researchgate.net/publication/340664506_Kebolehpasaran_dan_Pengangguran_Graduan_Lepasan_Institusi_Pengajian_Tinggi (2015)
- Mohd Faqhrullah Khamis. Cabaran Kebolehpasaran Dalam Kalangan Pelajar Tahun Akhir Sepanjang Pandemik COVID-19 & Getrude Cosmas Universiti Malaysia Sabah
- Norfarhana, A. G., Hishomudin, A., Norzulaili, M. G., Adawiyah, M., & Nik Farhan, M. (2016). Kajian Teori Medan Makna Dalam Kalangan Sarjana-sarjana Islam, dalam AlQanatir International Journal of Islamic Studies, 4(2), 24–35. Dicapai dari <http://al-qanatir.com/index.php/journal/article/view/87>
- Omar, C. M. Z. C., & Rajoo, S. (2016). Unemployment among graduates in Malaysia. *International Journal of Economics, Commerce and Management*, 4(8), 367-374.

- Qin, B., Zhou, X., Michael, K. D., Liu, Y., Whittington, C., Cohen, D., ... Xie, P. (2015). Psychotherapy for depression in children and adolescents: study protocol for a systematic review and network meta-analysis. *BMJ Open*, 5(2), e005918. <https://doi.org/10.1136/bmjopen-2014-005918>
- Quaratal 'Aini ABDULLAH, Norshima HUMAIDI, Melissa SHAHROM. (2020). Industry Revolution 4.0: The Readiness Of Graduates Of Higher Education Institutions For Fulfilling Job Demands. https://www.researchgate.net/publication/342641580_Industry_revolution_40_the_readiness_of_graduates_of_higher_education_institutions_for_fulfilling_job_demands
- Sahlawati Abu Bakar, Zaidul Amin Suffian Ahmad Mohd Hakim Arshad & Norshahida Khalid. Kepentingan Elemen Agama Dalam Kemahiran Employability Di Kalangan Mahasiswa: Kajian Terhadap Graduan Akademi Islam KUIS. (2015). <http://rmc.kuis.edu.my/irmic/wp-content/uploads/2014/12/IRMIC-2015-Zaidul-Amin-3.pdf>
- Sharifah Hana Abd Rahman. Faktor-Faktor Kepuasan Majikan Terhadap Pelajar Latihan Industri di Institut Pengajian Tinggi (IPT): Satu Sorotan. (2015)
- Tanius, E., bt Johari, H., Yulia, A., Siong, H. C., & Pazim, K. H. (2019). The Employability Skills Performance of Business Graduates in Malaysia: Do Employers, Graduates and Academicians Speak the Same Language?. *International Journal of Asian Social Science*, 9(1), 11-17.
- Teng Weili Ma, Chenwei, Pahlevansharif, Saeed, Turner, Jason James (2019). Graduate Readiness For The Employment Market Of The 4th Industrial Revolution : The development of soft employability skills. DOI: <https://doi.org/10.1108/ET-07-2018-0154>
- Tengku Kamarul Bahrim, T. A. I., Hassan Azahari, H. I., Zulkarnal, N. A. A., Sallehhudin, N. A., & Mohd Yusop, R. (2019). High rate of unemployment among graduates in Malaysia. *e-Journal of Media and Society (e-JOMS)*, 3, 1-15. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/29337/>
- Viswanathan Selvaratnam (2018). Malaysia: National Language Policy and Employability. https://www.researchgate.net/publication/329456476_Malaysia_National_Language_Policy_and_Employability

Rujukan dalam Proses Kajian:

Mohammad Nizam Sarkawi Mohammad Nizam Sarkawi Shamsuddin Jauriyah Shamsuddin Jauriyah Abdul Rahman Bin Jaaffar Abdul Rahman Bin Jaaffar Noor Fareen Abdul Rahim Noor Fareen Abdul Rahim. Integriti dan Kebolehpasaran di Kalangan Graduan Di Era Revolusi Industri 4.0 December 2022

Dr Mohammad Nizam Sarkawi, Dzulhilmi Fawzi Rajoo, Ramachandram Kemahiran Kepimpinan dalam Menghadapi Kebolehpasaran di Era Revolusi Industri 4.0. Preprint. Dec 2022
Mohammad Nizam Sarkawi

TERBITAN KENYATAAN & AKHBAR ATAS TALIAN

- <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/07/843910/jumlah-siswazahmenganggur-meningkat-mendadak>
- <https://www.sinarharian.com.my/article/152263/BERITA/Nasional/Siswazah-menganggur-meningkat-225-peratus-pada-2020>
- <https://dailyrakyat.com/faktor-utama-pengangguran-di-malaysia/15281>
- <https://dailyrakyat.com/faktor-graduan-menganggur/4351>
- https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5_Gallery/2_Media/4_Stats%40media/4-Press_Statement/2021/7.20Julai/STATISTIK%20SISWAZAH%202020-COMBINE.pdf